



3 Disember 2014
3 December 2014
P.U. (B) 537

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN
(KOPERASI KEMAJUAN TANAH NEGERI JOHOR BERHAD)

*NOTICE OF COMPLETION OF ASSUMPTION OF CONTROL
(KOPERASI KEMAJUAN TANAH NEGERI JOHOR BERHAD)*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN
(KOPERASI KEMAJUAN TANAH NEGERI JOHOR BERHAD)

BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) 2012 [*P.U. (A) 12/2012*] yang disiarkan pada 13 Januari 2012, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Nooh bin Tokio untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penggantian) (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 84/2013*] yang disiarkan pada 5 Mac 2013, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Encik Zahir bin Dahari untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan) 2014 [*P.U. (A) 212/2014*] yang disiarkan pada 17 Julai 2014, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Meor Mohammad Shariffudin bin Meor Yahya untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat agung tahunan Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad pada 29 dan 30 Ogos 2014 dan dua belas anggota Lembaga telah dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan perwakilan itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Suruhanjaya Koperasi Malaysia memberikan notis di bawah subseksyen 69D(4) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] bahawa pengambilalihan kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan berkaitannya yang dibuat di bawah subseksyen 69(2)